From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Friday, 22 April, 2022 5:42:52 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Sumbangan Zakat RM20,000 UUM Ringankan Beban Staf Derita Kanser

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 APRIL 2022 / 20 RAMADAN 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie dan Ihsan Nurul Syawanie Saidin

SUMBANGAN ZAKAT RM20,000 UUM RINGANKAN BEBAN STAF DERITA KANSER





UUM ONLINE: Sebagai tanda keprihatinan ke atas kebajikan staf, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menghulurkan sumbangan zakat berjumlah RM20,000 kepada Pembantu Awam, Nurul Syawanie Saidin yang menghidap kanser kalenjar limfoma Hodgkin.

Nurul Syawanie atau Wani berkata, dia bersyukur kerana penderitaannya itu mendapat perhatian UUM apabila menerima sumbangan yang disifatkannya terlalu besar nilainya tambahan lagi diterima pada bulan Ramadan yang penuh berkat.

Menurutnya, hasil sumbangan wang itu akan digunakan bagi menampung pembiayaan rawatan penyakit yang ditanggungnya sejak tahun lalu.

“Terima kasih UUM kerana sudi membantu meringankan beban saya terutamanya dari segi pembelanjaan perubatan dan mohon doakan saya sembuh dan sihat seperti sediakala,” ujarnya.

Menyoroti detik awal disahkan menghidap penyakit itu, Wani berkata, dia terkejut dan pada masa sama sedih apatah lagi memikirkan dua anak kecilnya itu.

Tambahnya, perasaan yang sukar digambarkan kerana selama ini dia menjalani hidup seperti biasa tetapi kini kerap menjalani rawatan, pemeriksaan dan enam sesi kimoterapi, namun dia pasrah dengan ketentuan Allah.

“Baru-baru ini sebaik bangun dari tidur tiba-tiba tulang Wani terasa sesuatu dan menurut kata pakar tulang, kanser sudah merebak dalam tulang menyebabkan tangan kiri patah, manakala tangan kanan pula semakin tidak kuat.

"Saya dinasihatkan oleh pakar untuk menjalani pembedahan tangan yang menelan kos yang dianggarkan kira-kira RM6,000. Hanya Allah sahaja yang tahu keadaan saya ketika itu dalam keadaan anak yang masih kecil, duit ringgit pun kurang dan kos rawatan kanser yang mahal.

"Jadi, apabila menerima sumbangan daripada UUM ini memang saya sangat bersyukur dan sedikit lega kerana sekurang-kurangnya meringankan bebanan yang ditanggung," katanya yang kini terlantar di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Alor Setar untuk menerima rawatan.

Lebih menyedihkan, dalam keadaan kesihatan yang semakin genting menyebabkan suaminya, Muhammad Parli Abu Hassan yang bekerja sebagai pemandu lori nekad berhenti kerja untuk menguruskan keluarga termasuk menjaga dua anak yang masih kecil.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah turut melahirkan rasa simpati kepada Nurul Syawanie yang diuji dengan penyakit kanser.

“Berat mata memandang berat lagi bahu yang memikul, justeru UUM memberi sumbangan RM20,000 atas rasa prihatin dan kasih sesama saudara semoga dia sekeluarga diberi kekuatan dan terus tabah melaluinya,” katanya pada Majlis Iftar Perdana Universiti Utara Malaysia 1443H bagi tahun 2022M, semalam.

Sempena bulan Ramadan dan sebagai tanda kasih sesama saudara Islam, marilah sama-sama kita membantu menyalurkan sumbangan dengan menghubungi Nurul Syawanie di talian 014-741 0308.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.